

BAB EMPAT

PENGANALISAAN DAN TAFSIRAN DATA

4.0 PENGENALAN

Dalam bab ini data yang diperoleh dianalisis untuk menjawab soalan-soalan kajian. Penganalisan data yang dilakukan secara kuantitatif dipersembahkan dalam bentuk jadual-jadual untuk menjawab soalan satu hingga empat. Data yang diperolehi daripada karangan yang dihasilkan oleh responden dan maklumat yang diperolehi daripada soal selidik dihubungkan untuk melihat sejauh manakah tabiat membaca mempengaruhi penghasilan karangan yang kohesif.

Dapatan kajian dalam bab ini akan dipersembahkan melalui jadual-jadual mengikut soalan kajian satu hingga empat. Pengkaji menjawab soalan kajian dengan memaparkan kekerapan penggunaan sarana kohesi secara keseluruhan dan kekerapan penggunaan sarana yang spesifik. Pengkaji juga membuat rumusan terhadap dapatan kajian berdasarkan soalan kajian yang telah dikemukakan. Penggunaan sarana Kohesi dianalisis berdasarkan empat jenis, iaitu Kohesi Nahan Rujukan (KNR), Kohesi Nahan Konjungsi (KNK), Kohesi Nahan Penggantian (KNP), dan Kohesi Nahan Elipsis (KNE).

4.1 Pemilihan Tajuk Karangan dan Latar Tempat Pelajar

Jadual 4.1 menunjukkan taburan peratusan pelajar mengikut tempat tinggal mereka dan pemilihan tajuk karangan, iaitu antara jenis karangan perbincangan dan perbahasan. Dapatan menunjukkan peratusan pelajar iaitu 63.3% pelajar lelaki dan perempuan dari bandar lebih berminat memilih karangan perbahasan sedangkan peratusan pelajar dari luar bandar yang memilih karangan jenis perbahasan hanya 43.3% sahaja. Jenis karangan popular dalam kalangan pelajar luar bandar (lelaki dan perempuan) ialah karangan jenis perbincangan, iaitu sebanyak 56.7% telah memilih karangan jenis ini. Hanya 26.7% pelajar dari bandar memilih karangan jenis perbincangan.

Jadual 4.1

PEMILIHAN TAJUK DAN LATAR TEMPAT PELAJAR

JENIS KARANGAN	<u>BANDAR</u>				<u>LUAR BANDAR</u>			
	Lelaki		Perempuan		Lelaki		Perempuan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Perbincangan	5	16.7	6	20.0	6	20.0	11	36.7
Perbahasan	7	23.3	12	40.0	4	13.3	9	30.0
Jumlah	12	40	18	60	10	33.3	20	66.7
JUMLAH BESAR	30 (100%)				30(100%)			

Pola pemilihan jenis karangan antara pelajar bandar dan luar Bandar didapati berbeza. 63.3% pelajar bandar (lelaki dan perempuan) lebih gemar memilih

karangan jenis perbincangan. Manakala 56.7% pelajar luar bandar (lelaki dan perempuan) lebih gemar memilih karangan jenis perbincangan. Jika dibanding pelajar lelaki di bandar dan di luar bandar 16.7% pelajar golongan lelaki bandar memilih karangan jenis perbincangan sedangkan golongan lelaki luar bandar yang memilih karangan perbincangan ialah 20.0%. Pelajar lelaki dari bandar yang memilih karangan perbincangan ialah 23.0% dan peratusan pelajar lelaki luar bandar yang memilih karangan perbincangan ialah 13.3%. Ini menunjukkan pelajar lelaki dari bandar lebih berminat menulis karangan perbincangan dan pelajar lelaki dari luar bandar lebih minat memilih karangan jenis perbincangan.

Dapatan juga menunjukkan pelajar perempuan dari bandar yang memilih karangan jenis perbincangan ialah 20.0%, sedangkan pelajar perempuan dari luar bandar ialah 36.7%. Pelajar perempuan yang memilih karangan perbincangan di bandar ialah 40.0% manakala pelajar dari luar Bandar yang memilih karangan perbincangan ialah 30.0%. Ini menunjukkan pelajar perempuan dari bandar suka memilih karangan perbincangan sedangkan pelajar perempuan dari luar bandar lebih berminat memilih karangan jenis perbincangan.

4.2 Pencapaian Gred Karangan mengikut gender, Jenis karangan dan Latar Tempat

Jadual 4.2 menunjukkan pencapaian gred karangan mengikut gender, jenis karangan dan latar tempat. Semua karangan telah diperiksa oleh seorang guru berpengalaman secara holistik mengikut format pentaksiran PMR yang

ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Gred yang diberikan adalah A, B, C dan D mengikut pernyataan sistem 'band' (*band system*) seperti yang dinyatakan dalam panduan memeriksa karangan. Pengkaji telah mengkategorikan gred karangan kepada dua iaitu gred baik dan lemah. Karangan gred baik terdiri daripada gred A, B, dan C iaitu kategori karangan yang lulus manakala gred D dikategorikan sebagai karangan gred lemah atau gagal.

Jadual 4.2
Pencapaian Gred Karangan Mengikut Gender, Jenis Karangan dan Latar Tempat

JANTINA	GRED	BIL	PERBINCANGAN		PERBAHASAN	
			BANDAR	L.BANDAR	BANDAR	L.BANDAR
LELAKI	A	3(5.0)	1(1.7)	0(0)	2(3.3)	0(0)
PEREMPUAN		17(28.3)	4(6.6)	4(6.6)	5(8.3)	4(6.6)
LELAKI	B	7(11.7)	2(3.3)	1(1.7)	1(1.7)	3(5.0)
PEREMPUAN		11(18.3)	2(3.3)	3(5.0)	4(6.6)	2(3.3)
LELAKI	C	9(15)	2(3.3)	2(3.3)	3(5.0)	2(3.3)
PEREMPUAN		8(13.3)	1(1.7)	3(5.0)	2(3.3)	2(3.3)
LELAKI	D	3(5)	0(0)	1(1.7)	1(1.7)	1(1.7)
PEREMPUAN		2(3.3)	0(0)	1(1.7)	1(1.7)	0(0)

Bagi karangan jenis perbincangan didapati peratusan pencapaian gred A ialah 15%, sedangkan bagi karangan perbahasan pula pencapaian gred A ialah 18.3% sahaja. Seterusnya, bagi karangan jenis perbincangan pelajar yang mendapat gred B dan C ialah 28.3%, manakala bagi karangan jenis perbahasan pelajar yang mendapat gred B dan C ialah 30%. Dapatan juga

membuktikan bahawa peratusan pelajar yang gagal adalah lebih tinggi dalam kalangan pelajar yang menulis karangan jenis perbahasan iaitu 5.0%, sedangkan pelajar yang gagal dalam karangan jenis perbincangan ialah 3.4% sahaja. Analisis kajian menunjukkan peratus kelulusan keseluruhan dalam karangan perbincangan ialah 43.3% dan peratus kelulusan keseluruhan dalam karangan jenis perbahasan ialah 48.3%. Dapatan ini menunjukkan pelajar yang menulis karangan jenis perbahasan mendapat keputusan yang lebih baik daripada pelajar yang memilih karangan jenis perbincangan.

Jadual juga menunjukkan bahawa minat pelajar lelaki dalam memilih tajuk karangan adalah lebih cenderung kepada karangan jenis perbahasan sedangkan trend perempuan adalah sama rata di mana 50% daripada pelajar perempuan memilih jenis karangan perbincangan dan 50% pelajar lagi memilih karangan jenis perbahasan.

Dapatan kajian menunjukkan peratusan pelajar yang berasal dari bandar mendapat keputusan gred karangan yang baik, iaitu Gred A dan B sebanyak 35%, sedangkan pelajar dari luar bandar yang mendapat gred A dan B ialah sebanyak 21.7% sahaja. Kajian juga menunjukkan bahawa pelajar yang mendapat gred D di bandar hanya 1.7% dan peratusan pelajar dari luar bandar ialah 5.0% . Pencapaian Gred C dalam kedua-dua jenis karangan tidak menampakkan perbezaan yang ketara di mana peratusan pelajar dari bandar ialah 13.3% dan pencapaian gred C pelajar dari luar Bandar ialah 15.0%.

Jika dianalisis dari segi perbezaan pelajar-pelajar lelaki di bandar dan pelajar-pelajar lelaki di luar bandar didapati pelajar-pelajar lelaki dari bandar mendapat gred A dan B, iaitu sebanyak 10.0%, sedangkan hanya 6.6% pelajar lelaki dari luar bandar mendapat gred cemerlang.

Pelajar-pelajar perempuan dari bandar yang mendapat gred A dan B adalah sebanyak 25%, manakala pelajar-pelajar perempuan dari luar bandar yang mendapat gred A dan B adalah 21.7% sahaja.

Ini menunjukkan pelajar lelaki dan perempuan dari bandar menunjukkan keputusan yang cemerlang berbanding dengan pelajar dari luar bandar. Pelajar dari luar bandar juga menunjukkan keputusan gred D yang tinggi berbanding pelajar dari bandar.

4.3 ADAKAH TERDAPAT PERBEZAAN YANG NYATA DARI SEGI KEKERAPAN PENGGUNAAN KOHESI NAHUAN ANTARA KARANGAN JENIS PERBINCANGAN DAN PERBAHASAN?

Bagi menjawab soalan ini, semua sarana kohesi yang digunakan oleh responden dianalisis mengikut empat jenis sarana kohesi, iaitu Kohesi Nahuan Rujukan (KNR), Kohesi Nahuan Konjungsi (KNK), Kohesi Nahuan Penggantian (KNP), dan Kohesi Nahuan Elipsis (KNE). Data dianalisis dengan mengambil kira gred karangan dan jumlah kohesi nahuan yang terdapat dalam setiap jenis karangan iaitu karangan jenis perbincangan dan karangan jenis perbahasan. Pengkaji juga telah membuat satu perbandingan

mengenai penggunaan kohesi nahuan dalam karangan perbincangan dan perbahasan mengikut gred. Analisis bahagian ini dapat memberi gambaran setakat mana penggunaan kohesi nahuan bermain peranan dalam menentukan gred karangan. Pengkaji ingin mengupas sama ada penggunaan kohesi nahuan yang betul dan dalam bilangan yang banyak mempengaruhi penulisan karangan yang berkualiti.

Sebanyak 60 buah karangan telah dianalisis dengan menyenaraikan semua sarana kohesi nahuan yang terdapat dalam karangan. Sarana kohesi nahuan kemudian disenaraikan mengikut jenisnya. Oleh kerana bilangan responden lelaki dan perempuan berbeza, iaitu lelaki 22 orang dan perempuan 38 orang, maka untuk membandingkan perbezaan penggunaan kohesi nahuan di antara gender secara sama rata 15 orang lelaki dan 15 orang perempuan dipilih mengikut gred karangan. Daripada 15 orang responden ditentukan 3 orang yang memperolehi gred A, 7 orang responden gred B dan 5 orang responden gred C. Responden perempuan juga ditentukan mengikut kadar yang sama iaitu 3 orang responden perempuan yang memperoleh karangan gred A, 7 orang responden yang memperoleh gred karangan B dan 5 orang responden yang memperoleh gred C.

Jadual 4.3 menunjukkan kekerapan penggunaan kohesi nahuan mengikut jenis karangan perbincangan.

Jadual : 4.3
Kekerapan Penggunaan Sarana Kohesi Nahuan Dalam Karangan
Karangan Jenis Perbincangan

(Jenis-jenis) Kohesi Nahuan	Bil	%
KNR	102	(35.8)
KNK	85	(29.8)
KNP	83	(29.1)
KNE	15	(5.3)
Jumlah	285	(100)

KNR = Kohesi Nahuan Rujukan

KNK = Kohesi Nahuan Konjungsi

KNP = Kohesi Nahuan Penggantian

KNE = Kohesi Nahuan Elipsis

Jadual 4.3 menunjukkan prestasi 28 orang pelajar yang telah menulis jenis karangan perbincangan dari segi kekerapan penggunaan sarana kohesi nahuan iaitu KNR, KNK, KNP dan KNE. Didapati jumlah penggunaan kohesi nahuan dalam 28 buah karangan perbincangan ialah 285.

Antara kesemua jenis sarana kohesi nahuan yang digunakan dalam karangan jenis perbincangan didapati bahawa sarana KNR menunjukkan kekerapan penggunaan yang paling tinggi iaitu 35.8%. Ini bermakna, sarana KNR

merupakan sarana kohesi nahuan yang paling banyak digunakan oleh ramai responden kajian dalam karangan jenis perbincangan mereka.

Prestasi pelajar daripada segi kekerapan penggunaan sarana KNK bagi karangan jenis perbincangan ialah 29.8%. Antara sarana-sarana kohesi nahuan, sarana KNK merupakan sarana kohesi nahuan yang kedua tinggi dari segi kekerapan penggunaan dalam karangan jenis perbincangan.

Jadual 4.3 memperlihatkan kekerapan penggunaan sarana KNP ialah 29.1% bagi karangan perbincangan. Antara empat jenis sarana kohesi nahuan, kekerapan penggunaan sarana KNP merupakan ketiga tinggi dalam jenis karangan perbincangan.

Keputusan analisis menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan sarana KNE bagi karangan perbincangan ialah 5.3%. Keputusan analisis juga menunjukkan bahawa penggunaan sarana KNE dalam jenis karangan perbincangan adalah paling rendah berbanding dengan penggunaan sarana-sarana kohesi nahuan yang lain.

Secara keseluruhannya, keputusan analisis bagi kekerapan penggunaan sarana-sarana kohesi nahuan menunjukkan bahawa, bagi karangan perbincangan, peratusan kekerapan penggunaan (35.8%) sarana KNR adalah yang paling tinggi, diikuti dengan sarana KNK (29.8%), sarana KNP (29.1%) dan seterusnya sarana KNE (5.3%) di mana kekerapan penggunaannya adalah paling rendah.

Jadual : 4.4
Kekerapan Penggunaan Sarana Kohesi Nahuan dalam Karangan Jenis
Perbahasan

Jenis-jenis KohesiNahuan	Bil	(%)
KNR	113	(41.4)
KNK	92	(33.7)
KNP	57	(20.9)
KNE	11	(4.0)
Jumlah	273	(100)

KNR = Kohesi Nahuan Rujukan

KNK = Kohesi Nahuan Konjungsi

KNP = Kohesi Nahuan Penggantian

KNE = Kohesi Nahuan Elipsis

Jadual 4.4 menunjukkan penggunaan setiap jenis sarana kohesi nahuan iaitu KNR, KNK, KNP dan KNE dalam 32 buah karangan jenis perbahasan. Didapati jumlah penggunaan kohesi nahuan dalam 32 buah karangan ialah 273. Dapatan analisis bagi peratusan kekerapan penggunaan sarana KNR menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan KNR dalam karangan jenis perbahasan adalah 41.4%.

Antara kesemua sarana kohesi nahuan bagi karangan jenis perbahasan, didapati bahawa sarana KNR menunjukkan kekerapan penggunaan yang paling tinggi. Ini bermakna, sarana KNR merupakan sarana kohesi nahuan

yang paling banyak digunakan oleh ramai responden kajian dalam karangan jenis perbahasan mereka.

Prestasi pelajar daripada segi kekerapan penggunaan sarana KNK bagi karangan jenis perbahasan ialah 33.7% . Antara sarana-sarana kohesi nahuan, sarana KNK merupakan sarana kohesi yang kedua tinggi dari segi kekerapan penggunaan dalam karangan jenis perbahasan.

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan sarana KNP bagi karangan perbahasan ialah 20.9%. Antara empat jenis sarana kohesi nahuan, kekerapan penggunaan sarana KNP merupakan ketiga tinggi dalam jenis karangan perbahasan.

Keputusan analisis menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan sarana KNE bagi karangan perbahasan ialah 4.0%. Keputusan analisis juga menunjukkan bahawa penggunaan sarana KNE dalam jenis karangan perbahasan adalah paling rendah berbanding dengan penggunaan sarana-sarana kohesi nahuan yang lain.

Secara keseluruhannya keputusan analisis menunjukkan sarana KNR (41.4%) dan sarana KNK (33.7%) paling banyak digunakan dalam karangan jenis perbahasan oleh responden kajian ini. Penggunaan sarana KNP didapati sederhana penggunaannya tetapi penggunaan sarana KNE (4.0%) amat berkurangan.

Jadual: 4.5

**Perbandingan Kekekapan Penggunaan sarana Kohesi Nahuan dalam
Karangan Jenis Perbincangan dan Perbahasan**

Jenis-jenis Kohesi Nahuan	KARANGAN PERBINCANGAN (28 buah karangan)		KARANGAN PERBAHASAN (32 buah karangan)	
	Bil	%	Bil	%
KNR	102	35.8	113	41.4
KNK	85	29.8	92	33.7
KNP	83	29.1	57	20.9
KNE	15	5.3	11	4.0
Jumlah	285	100	273	100

KNR = Kohesi Nahuan Rujukan

KNK = Kohesi Nahuan Konjungsi

KNP = Kohesi Nahuan Penggantian

KNE = Kohesi Nahuan Elipsis

Jadual 4.5 menunjukkan perbandingan penggunaan sarana kohesi oleh semua responden kajian dalam kedua-dua jenis karangan iaitu karangan perbincangan dan karangan perbahasan. Kekekapan penggunaan sarana kohesi nahuan iaitu KNR, KNK, KNP dan KNE dibandingkan. Didapati jumlah penggunaan sarana kohesi nahuan dalam 60 buah karangan ialah 558. Dapatan analisis bagi kekekapan penggunaan sarana KNR menunjukkan bahawa kekekapan penggunaan KNR bagi karangan jenis perbahasan adalah lebih tinggi

berbanding dengan karangan jenis perbincangan, iaitu kekerapan penggunaan KNR bagi karangan perbincangan ialah 41.4% . Manakala pencapaian peratusan kekerapan KNR bagi karangan perbahasan ialah 35.8%.

Antara kesemua sarana kohesi nahuan bagi karangan jenis perbahasan, didapati bahawa sarana KNR menunjukkan penggunaan yang paling tinggi. Ini bermakna, sarana KNR merupakan sarana kohesi nahuan yang paling banyak digunakan oleh responden kajian dalam karangan jenis perbahasan mereka. Didapati bahawa penggunaan sarana KNR dalam karangan perbincangan agak kurang sedikit berbanding dengan karangan jenis perbahasan.

Prestasi pelajar dari segi peratus kekerapan penggunaan sarana KNK bagi karangan jenis perbahasan ialah 33.7%, sedangkan peratusan kekerapan sarana KNK dalam karangan perbincangan ialah 29.8% . Ini menunjukkan bahawa peratusan kekerapan penggunaan sarana KNK bagi karangan jenis perbahasan adalah tinggi sedikit berbanding dengan pencapaian peratusan kekerapan sarana KNK bagi karangan perbincangan. Antara sarana-sarana kohesi nahuan, sarana KNK merupakan sarana kohesi nahuan yang kedua tinggi dari segi peratusan kekerapan penggunaan dalam karangan jenis perbincangan dan perbahasan.

Jadual 4.5 memperlihatkan peratusan kekerapan penggunaan sarana KNP ialah 29.1% bagi karangan perbincangan dan seterusnya bagi karangan perbahasan pula peratusan kekerapan penggunaan ialah 20.9%. Keputusan analisis ini

menunjukkan bahwa prestasi peratusan kekerapan penggunaan sarana KNP bagi karangan perbincangan adalah tinggi berbanding dengan karangan jenis perbahasan. Antara empat jenis sarana kohesi nahuan, kekerapan penggunaan sarana KNP merupakan ketiga tinggi dalam kedua-dua jenis karangan tersebut.

Keputusan analisis menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan sarana KNE bagi karangan perbincangan ialah 5.3% dan peratusan kekerapan penggunaan KNE bagi karangan perbahasan ialah 4.0%. Ini bererti, prestasi pelajar dalam peratusan kekerapan penggunaan sarana KNE bagi karangan perbincangan adalah tinggi sedikit berbanding dengan peratusan kekerapan penggunaan sarana KNE dalam karangan jenis perbahasan. Keputusan analisis juga menunjukkan bahawa peratusan penggunaan sarana KNE dalam kedua-dua jenis karangan adalah paling rendah berbanding dengan penggunaan sarana-sarana kohesi nahuan yang lain.

KNP (29.1%) dan seterusnya sarana KNE (5.3%) di mana peratusan kekerapan penggunaannya adalah paling rendah. Manakala, bagi jenis karangan perbahasan pula, peratusan kekerapan penggunaan sarana KNR Secara keseluruhannya, keputusan analisis bagi peratusan kekerapan penggunaan sarana-sarana kohesi nahuan menunjukkan bahawa, sarana KNR paling banyak (35.8%) digunakan diikuti dengan sarana KNK (29.8%), sarana adalah (41.4%) dan sarana KNK adalah (33.7%).

Peratusan kekerapan penggunaan sarana KNP dan KNE menunjukkan peratusan kekerapan penggunaan yang jauh berbeza di mana kekerapan penggunaan sarana KNP ialah 20.9% dan kekerapan penggunaan sarana KNE hanya 4.0%. Dari segi corak peratusan kekerapan penggunaan sarana-sarana KNR, KNK, KNP dan KNE dalam kedua-dua jenis karangan, iaitu karangan perbincangan dan karangan perbahasan didapati sama. Sarana KNR paling banyak digunakan diikuti sarana KNK, KNP dan KNE.

4.4 ADAKAH KEKERAPAN PENGGUNAAN KOHESI MENENTUKAN GRED KARANGAN?

Data kajian telah dianalisis untuk menjawab soalan kajian kedua seperti berikut :

Jadual 4.6
Perbandingan Kekekrapan Penggunaan Kohesi Nahuan Mengikut Jenis
Karangan dan Gred Pencapaian

Jenis Karangan	<u>PERBINCANGAN</u>								<u>PERBAHASAN</u>							
	<u>Gred</u>				<u>Gred</u>				<u>Gred</u>				<u>Gred</u>			
Kohesi Nahuan	A	B	C	D	A	B	C	D	A	B	C	D	A	B	C	D
	Bil	(%)	Bil	(%)	Bil	(%)	Bil	(%)	Bil	(%)	Bil	(%)	Bil	(%)	Bil	(%)
KNR	50	(49)	30	(29.4)	15	(14.7)	7	(6.9)	53	(46.9)	37	(32.7)	12	(10.6)	11	(9.7)
KNK	43	(50.6)	21	(24.7)	15	(17.6)	6	(7.1)	42	(45.7)	30	(32.6)	12	(13.0)	8	(8.7)
KNP	40	(48.2)	23	(27.7)	13	(15.7)	7	(8.4)	21	(36.8)	20	(35.1)	10	(17.5)	6	(10.5)
KNE	4	(26.7)	4	(26.7)	3	(20.0)	4	(26.7)	3	(27.3)	2	(18.2)	3	(27.3)	3	(27.3)
Jumlah	137		78		46		24		119		89		37		28	
Jumlah besar	285 (51.1%)								273 (48.9%)							

KNR = Kohesi Nahuan Rujukan

KNK = Kohesi Nahuan Konjungsi

KNP = Kohesi Nahuan Penggantian

KNE = Kohesi Nahuan Elipsis

Peraturan kekerapan penggunaan jenis-jenis kohesi nahuan mengikut grad karangan dipaparkan melalui jadual (4.6) di atas. Penggunaan Sarana kohesi nahuan yang terdiri daripada KNR, KNK, KNP dan KNE ditunjukkan melalui peraturan dan kekerapan masing-masing bagi karangan A, B, C dan D dalam jenis karangan perbincangan dan karangan perbahasan.

Peraturan kekerapan penggunaan bagi sarana KNR, dalam jenis karangan perbincangan grad A ialah 49%, grad B ialah 29.4%, grad C ialah 14.7% dan grad D ialah 6.9%. Bagi kekerapan penggunaan sarana KNK dalam karangan perbincangan grad A ialah 50.6%, grad B ialah 24.7%, grad C ialah 17.6% dan grad D ialah 7.1%. Peraturan penggunaan sarana KNP bagi karangan perbincangan bagi grad A ialah 48.2%, bagi karangan grad B ialah 27.7%, bagi grad C ialah 15.7%, dan bagi grad D ialah 8.4%. Jadual juga menunjukkan penggunaan sarana KNE adalah paling minima bagi karangan perbincangan iaitu, 26.7% bagi karangan grad A, 26.7% bagi karangan grad B, 20.0% bagi karangan grad C dan 26.7% bagi karangan grad D. Dengan ini boleh disimpulkan bahawa, secara puratanya, sebanyak 25% sarana KNE digunakan bagi karangan perbincangan bagi semua grad. Dapatan membuktikan penggunaan sarana KNR adalah sangat tinggi berbanding dengan sarana kohesi lain dalam karangan jenis perbincangan. Jadual ini juga menunjukkan kekerapan penggunaan kohesi nahuan yang tinggi menentukan grad karangan pelajar-pelajar. Ini terbukti apabila membandingkan jumlah sarana kohesi yang digunakan dalam karangan perbincangan grad A dengan karangan grad B, C dan D. Penggunaan jumlah sarana kohesi dalam karangan

gred A ialah 137 (48.1%), gred B ialah 78 (27.4%), gred C ialah 46 (16.1%) dan gred D ialah 24 (8.4%).

Peratusan kekerapan penggunaan sarana KNR, dalam karangan jenis perbahasan gred A ialah 46.9%, bagi karangan gred B ialah 32.7%, bagi karangan gred C ialah 10.6% dan bagi karangan gred D ialah 9.7%. Bagi peratusan kekerapan penggunaan sarana KNK dalam karangan perbahasan gred A ialah 45.7%, bagi gred B ialah 32.6%, bagi gred C ialah 13.0% dan bagi gred D ialah 8.7%. Peratusan penggunaan sarana KNP bagi gred A ialah 36.8%, bagi karangan gred B ialah 35.1%, bagi gred karangan C ialah 17.5%, dan bagi gred D ialah 10.5%. Jadual juga menunjukkan penggunaan sarana KNE dalam karangan jenis perbahasan bagi karangan gred A ialah 27.3%, bagi karangan gred B ialah 18.2%, bagi karangan gred C ialah 27.3% dan bagi karangan gred D ialah 27.3%. Dapatan membuktikan penggunaan sarana KNR adalah sangat tinggi berbanding dengan kohesi lain dalam karangan jenis perbahasan juga. Dapatan juga menjelaskan bahawa peratusan kekerapan penggunaan kohesi nahuan yang tinggi menentukan gred karangan pelajar. Ini terbukti apabila membandingkan jumlah sarana kohesi yang digunakan dalam karangan perbahasan gred A dengan karangan gred B, C dan D. Penggunaan jumlah sarana kohesi dalam karangan gred A ialah 119 (43.6%), gred B ialah 89 (32.6%), gred C ialah 37 (13.6%) dan gred D ialah 28 (10.2%). Dengan ini dapat dirumuskan bahawa, bagi kedua-dua jenis karangan, iaitu karangan perbincangan dan perbahasan, penggunaan kohesi nahuan yang tinggi bilangannya sudah pasti menentukan gred karangan yang tinggi.

Berdasarkan data-data ini, didapati bahawa karangan gred baik menggunakan kohesi nahuan dengan banyak dan tepat. Ini juga membuktikan bahawa penggunaan kohesi nahuan yang banyak dan tepat dapat memantapkan mutu karangan. Juga didapati bahawa, jenis karangan perbincangan memperlihatkan penggunaan kohesi nahuan yang lebih tinggi iaitu 51.1% berbanding dengan jenis karangan perbahasan iaitu 48.9%.

4.5 ADAKAH WUJUD PERBEZAAN PENGGUNAAN KOHESI NAHUAN MENGIKUT GENDER?

Bagi menjawab soalan kajian ketiga ini, faktor gender diambilkira untuk menentukan peratusan penggunaan kohesi nahuan dalam karangan jenis perbincangan dan perbahasan. Populasi gender kajian ini terdiri daripada 15 orang pelajar lelaki dan 15 orang pelajar perempuan. Ini bererti 15 karangan responden lelaki dan 15 karangan responden perempuan dipilih untuk dianalisis supaya dapat menjawab soalan kajian ini. Bilangan karangan yang sama dari setiap gred bagi responden lelaki dan perempuan dianalisis. Sebanyak 3 buah karangan gred A, 7 buah karangan gred B dan 5 buah karangan gred C dipilih bagi setiap gender untuk dibandingkan. Cara sedemikian digunakan untuk melihat sama ada wujudnya atau tidak perbezaan kohesi nahuan dalam karangan mengikut gender.

4.6 PENGGUNAAN KOHESI NAHUAN MENGIKUT GENDER DAN GRED KARANGAN

Jadual 4.7 memaparkan kekerapan penggunaan jumlah kohesi nahuan dalam kedua-dua jenis penulisan iaitu perbincangan dan perbahasan mengikut gender. Kekerapan penggunaan kohesi nahuan bagi pelajar lelaki dalam karangan perbincangan dan perbahasan yang bergred A, B, dan C ialah 45.0% manakala prestasi peratusan kekerapan kohesi nahuan yang dicapai oleh pelajar perempuan dalam karangan perbincangan dan perbahasan ialah 55.0 %.

Jadual: 4.7
Peratus Penggunaan Kohesi Nahuan Mengikut Gender dan Gred
Karangan

Jantina	<u>LELAKI</u>									<u>PEREMPUAN</u>								
	Gred A(3)			B(7)			C(5)			A(3)			B(7)			C(5)		
Kohesi Nahuan	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	(%)
	KNR	35	(11)	30	(10)	8	(3)	73	(23)	42	(13)	37	(12)	10	(3)	89	(29)	
KNK	18	(6)	13	(4)	7	(2)	38	(12)	20	(6)	18	(6)	10	(3)	48	(15)		
KNP	9	(3)	2	(1)	10	(3)	21	(7)	14	(4)	2	(1)	7	(2)	23	(7)		
KNE	3	(1)	2	(1)	3	(1)	8	(3)	5	(2)	4	(1)	3	(1)	12	(4)		
Jumlah	65	(21)	47	(15)	28	(9)	140	(45)	81	(26)	61	(20)	30	(10)	172	(55)		
Jumlah Besar							140 (45%)				172 (55%)				(312) (100%)			

KNR = Kohesi Nahuan Rujukan

KNK = Kohesi Nahuan Konjungsi

KNP = Kohesi Nahuan Penggantian

KNE = Kohesi Nahuan Elipsis

Ini menunjukkan responden perempuan menggunakan bilangan kohesi nahuan yang lebih tinggi. Perbezaan peratusan penggunaan kohesi nahuan di antara pelajar perempuan dan lelaki berbeza sebanyak 10%.

Kajian juga membuktikan bahawa responden perempuan menggunakan kohesi nahuan jenis KNR lebih tinggi iaitu 13% berbanding dengan pelajar lelaki yang hanya menggunakan 11%. Peratus penggunaan sarana KNK lebih

memihak kepada responden perempuan, iaitu 15% dan lelaki hanya 12%. Walau bagaimanapun penggunaan sarana KNP menampakkan peratusan yang sama rata, iaitu masing-masing 7%. Kajian juga menunjukkan peratus penggunaan sarana KNE dalam kalangan perempuan lebih tinggi, iaitu 4% sedangkan responden lelaki hanya 3% .

Secara keseluruhan peratusan penggunaan kohesi nahan semua jenis sarana, iaitu sarana KNR, KNK, KNP dan KNE menunjukkan bahawa responden perempuan lebih cenderung menggunakan dengan tepat dan dalam bilangan yang lebih banyak berbanding responden lelaki.

4.7 ADAKAH TABIAT MEMBACA PELAJAR MEMPENGARUHI PRESTASI PENCAPAIAN DALAM PENULISAN KARANGAN ?

Analisis tabiat membaca dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan juga dilakukan dalam kajian ini. Pelajar diminta memberi respon kepada soalan-soalan dalam soal selidik. Skala kekerapan membaca 'selalu, sederhana dan tidak' digunakan. Respons-respons telah diperoleh daripada soal selidik dianalisis untuk mengetahui tabiat membaca para responden. Keputusan menunjukkan bahawa daripada jumlah pelajar 60 orang, seramai 22 orang telah menunjukkan tabiat membaca yang tinggi, iaitu 36.7% dan peratusan tabiat membaca pada kadar sederhana ialah 46.7% dan tabiat tidak membaca langsung ialah 16.6%.

Jadual 4.8
Pencapaian Gred Karangan dan Tabiat Membaca Mengikut Gender

Jantina	GRED	BIL	KEKERAPAN MEMBACA		
			SELALU %	SEDERHANA %	TIDAK %
LELAKI	A	3	2 (3.3)	1 (1.6)	
PEREMPUAN		17	12 (20.0)	5 (8.3)	
LELAKI	B	7	2 (3.3)	5 (8.3)	
PEREMPUAN		11	4 (6.6)	6 (10.0)	1 (1.6)
LELAKI	C	9	1 (1.6)	5 (8.3)	3 (5.0)
PEREMPUAN		8	1 (1.6)	6 (10.0)	1 (1.6)
LELAKI	D	3			3 (5.0)
PEREMPUAN		2			2 (3.3)
JUMLAH		60 (100%)	22 (36.7%)	28(46.7%)	10 (16.6%)

Jadual 4.8 menunjukkan daripada 22 orang pelajar (lelaki dan perempuan) yang selalu membaca, 14 orang (63.4%) telah memperolehi gred A. Ini adalah 23.3.% daripada 60 orang pelajar manakala hanya 6 orang (21.4%) pelajar (lelaki dan perempuan) daripada 28 orang pelajar yang mempunyai minat membaca secara sederhana telah mendapat gred A. Ini adalah hanya 10.0% daripada jumlah pelajar. Manakala tidak ada seorang pun pelajar yang tidak membaca langsung mendapat gred A.

Daripada 22 orang pelajar (lelaki dan perempuan), yang mempunyai tabiat selalu membaca, seramai 6 orang (27.3%) telah mendapat gred A. Ini adalah 10.0% daripada jumlah pelajar. Manakala 11 orang pelajar (39.3%) daripada 28 orang pelajar yang mempunyai tabiat membaca secara sederhana telah mendapat gred B. Ini adalah 18.3% daripada jumlah responden kajian ini. Hanya 2 orang (9.0%) daripada 22 orang pelajar yang selalu membaca mendapat gred C. Bagi kumpulan pelajar yang mempunyai tabiat membaca sederhana, 11 daripada 28 orang pelajar iaitu 39.3% telah mendapat gred C. Tidak ada seorang pun pelajar yang selalu membaca atau yang mempunyai tabiat membaca secara sederhana, gagal atau mendapat gred D.

Dapatan kajian juga menunjukkan peratusan tabiat membaca yang sangat tinggi terdapat pada golongan pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki. Daripada 20 orang yang mempunyai tabiat membaca tinggi dan mendapat gred A 13 orang (85.0%) adalah pelajar perempuan, Manakala 7 orang (15.0%) adalah pelajar lelaki.

Jadual : 4.9
Kekerapan Kohesi Nahuan Dalam Karangan Pelajar Yang Selalu
Membaca

Kohesi Nahuan	Bil	%
KNR	162	60.0
KNK	86	27.5
KNP	44	14.1
KNE	20	6.4
Jumlah	312	100

KNR = Kohesi Nahuan Rujukan

KNK = Kohesi Nahuan Konjungsi

KNP = Kohesi Nahuan Penggantian

KNE = Kohesi Nahuan Elipsis

Jadual 4.9 menunjukkan jumlah kohesi nahuan yang digunakan oleh pelajar yang mempunyai tabiat selalu membaca. Dapat daripada analisis membuktikan bahawa jumlah kohesi nahuan yang digunakan oleh responden kumpulan ini adalah tinggi iaitu sebanyak 235. Daripada jumlah ini didapati kohesi nahuan sarana KNR merupakan kohesi nahuan yang paling tinggi digunakan iaitu 61.3%. Peratusan sarana KNK yang terdapat dalam karangan kumpulan pelajar yang selalu membaca ialah 20.8% sedangkan sarana kohesi KNP yang digunakan ialah sebanyak 11.5%. Antara sarana kohesi nahuan yang paling rendah digunakan ialah kohesi KNE iaitu sebanyak 6.4%.

Ini menunjukkan bahawa pelajar yang selalu membaca menghasilkan karangan yang bergred tinggi dan kekerapan penggunaan kohesi nahuan yang tinggi menentukan kualiti sesuatu karangan. Dapatan menunjukkan pelajar perlu amalkan tabiat membaca bagi menghasilkan karangan yang bermutu tinggi.

Jadual 4.10 memperlihatkan bandingan antara jumlah sarana kohesi nahuan yang digunakan oleh pelajar tabiatnya selalu membaca dengan keseluruhan kekerapan penggunaan sarana kohesi nahuan yang terapat dalam 60 buah karangan.

Jadual : 4.10
Perbandingan Kekerapan Penggunaan Sarana Kohesi Nahuan oleh
Pelajar Yang Selalu Suka Membaca dan Keseluruhan Kekerapan Sarana
Kohesi Nahuan

Kohesi Nahuan	PELAJAR SUKA MEMBACA		SECARA KESELURUHAN	
	Bil	%	Bil	%
KNR	162	29.0	215	38.5
KNK	86	15.4	177	31.7
KNP	44	8.0	140	25.1
KNE	20	3.6	26	4.7
Jumlah	312	56.0	558	100

KNR = Kohesi Nahuan Rujukan

KNK = Kohesi Nahuan Konjungsi

KNP = Kohesi Nahuan Penggantian

KNE = Kohesi Nahuan Elipsis

Analisis kajian menunjukkan bahawa pelajar yang selalu suka membaca banyak menggunakan kohesi nahuan dalam menghasilkan karangan mereka. Daripada jumlah 558 sarana kohesi nahuan yang digunakan oleh semua responden kajian, sebanyak 312 adalah daripada kumpulan pelajar yang selalu membaca. Ini adalah 56% daripada jumlah sarana kohesi nahuan yang digunakan oleh semua responden kajian. Walaupun kumpulan pelajar yang

selalu membaca hanya 22 (36.7%) orang daripada 60 orang, tetapi kekerapan penggunaan sarana kohesi nahuan mereka adalah 56.0% daripada keseluruhan kekerapan penggunaan sarana kohesi nahuan. Ini membuktikan bahawa kekerapan penggunaan kohesi nahuan menentukan gred karangan serta pelajar yang selalu membaca juga dapat menghasilkan karangan yang bermutu tinggi kerana mereka mahir menggunakan sarana kohesi nahuan.

4.8 KESIMPULAN

Penaganalisaan data yang dikemukakan dalam bab ini dilakukan berdasarkan 60 buah karangan pelajar tingkatan 3 dan juga maklumat yang diperolehi melalui soal selidik. Seramai 30 orang pelajar dari bandar dan 30 orang pelajar dari luar bandar digunakan sebagai responden kajian ini.

Dapatan kajian membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang nyata dari segi penggunaan kohesi nahuan antara karangan jenis perbincangan dan perbahasan. Didapati karangan jenis perbincangan mempunyai kohesi nahuan yang lebih tinggi.

Analisis juga menggambarkan bahawa kekerapan penggunaan kohesi nahuan menentukan gred karangan. Disamping itu wujud juga perbezaan penggunaan kohesi nahuan mengikut gender. Tabiat selalu suka membaca juga mempengaruhi prestasi pencapaian dalam penghasilan penulisan karangan.